

07 SEP 1997

Mahathir-Harakah

HARAKAH TIDAK LAGI BOLEH DIJUAL SECARA TERBUKA

KUALA LUMPUR, 7 Sept (Bernama) -- Harakah, lidah rasmi parti Pas, tidak lagi dibenarkan dijual secara terbuka dan tindakan akan diambil terhadap sesiapa yang didapati menjualnya.

Perkara ini diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga Menteri Dalam Negeri, ketika menggulung perbahasan pada Perhimpunan Agung Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini.

"Sebenarnya Harakah dijual secara haram. Kita tidak membenarkan akhbar milik parti atau kelab dijual di pasaran terbuka tetapi saya akui selama ini kita tidak mengambil apa-apa tindakan.

"... kita dapati dakwah yang dibuat oleh Harakah ini begitu buruk sekali, (walaupun) tidak berkesan kepada kita tetapi merupakan satu fitnah yang amat besar," katanya.

Menurut Dr Mahathir, berikutan larangan penjualan terbuka itu, Harakah juga akan didakwa di mahkamah sekiranya didapati melempar fitnah terhadap kerajaan dan Umno.

Semalam, wakil Kelantan Zaleha Hussin dalam perbahasannya meminta kerajaan mengharamkan penjualan Harakah kerana mengadu domba Perdana Menteri dengan ulama.

Ketua Pergerakan Pemuda Datuk Ahmad Zahid Hamidi ketika mengulas usul Zaleha turut mahukan penjualan akhbar itu diharam kerana menyiarkan bahan yang menjatuhkan imej Islam dan tidak memberi gambaran sebenar mengenainya.

Katanya, akhbar itu kini diedarkan oleh vendor-vendor akhbar walaupun hanya mempunyai permit terhad Kementerian Dalam Negeri untuk edaran kepada anggota parti Pas sahaja.

Harakah, yang dikeluarkan dua kali seminggu, dijual pada harga RM 1 senaskah. Akhbar itu yang diterbitkan Jabatan Penerangan dan Penyelidikan Pas Pusat di sini antara lain menyiarkan berita-berita semasa dalam dan luar negara, aktiviti Pas dan ruangan khas tulisan Timbalan Presiden parti Haji Abdul Hadi Awang.

Semas bercakap pada persidangan berita selepas perhimpunan itu, Dr Mahathir berkata beliau akan mengeluarkan arahan kepada Kementerian Dalam Negeri (KDN) secepat mungkin bagi menguatkuasakan larangan penjualan Harakah secara terbuka.

Ketika ditanya bagaimana tindakan hendak diambil sekiranya akhbar itu dijual secara terbuka di Kelantan yang ditadbir oleh Pas, beliau berkata, penguatkuasaan di seluruh negara akan dilakukan oleh agensi kerajaan pusat.

Mengenai kritikan yang mungkin dilemparkan kepada kerajaan berikutan keputusan itu, Perdana Menteri berkata: "Sekarangpun dia (Pas) kata kita tak hendak demokrasi. Dia demokrasikah bila kita tegur dia sikitpun dia marah?"

Ketika ditanya sama ada larangan penjualan Harakah secara terbuka turut melibatkan siarannya dalam Internet, beliau berkata kerajaan tidak boleh menahan akhbar itu berbuat demikian sebagaimana kerajaan tidak boleh menapis kandungan-kandungan lain dalam Internet.

Bagaimanapun, beliau berkata memandangkan permit penerbitan Harakah hanya terhad untuk edaran di kalangan anggota Pas sahaja, kerajaan tidak melarang jika ia dijual secara langganan kepada anggota parti itu. --

BERNAMA

AH AHH